

14 OCT 2002

Syed Hamid-Filipina

KES ROGOL: FILIPINA PATUT MINTA MAAF, KATA SYED HAMID

PUTRAJAYA, 14 Okt (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata kerajaan Filipina patut meminta maaf kepada Malaysia kerana bertindak melulu berkenaan kes seorang gadis yang mendakwa dirogol semasa berada dalam tahanan di Pusat Tahanan Sementara di Sabah.

Beliau berkata kerajaan negara itu juga harus mengambil pengajaran daripada peristiwa itu agar tidak terlalu mendengar tuduhan-tuduhan liar yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu menerusi media.

"Kalau kerajaan Filipina mengatakan bahawa rakyat itu rakyat dia, dia dah salah, perkara mudah tanpa kita menyuruhnya, ialah berkata kami meminta maaf, kami telah membuat kesilapan," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan persidangan kedua Konsul Besar/Konsul Kehormat di sini.

Syed Hamid diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang menyebut pihak polis mengesahkan bahawa gadis yang berusia 13 tahun itu adalah rakyat Malaysia, bukan warga Filipina seperti yang didakwa sebelum ini.

Ditanya sama ada Malaysia telah menerima respon yang menunjukkan rasa kesal daripada Filipina berkenaan kes itu, Syed Hamid berkata kerajaan berkenaan mendakwa perkara itu digembar-gemburkan oleh media negara itu, bukan oleh pihak berkuasa.

"Dia kata bukan kerajaan dia buat, dia kata media dia. Sebab itu saya fikir kalau saluran seharusnya yang digunakan, kalau kerajaan kita mengambil pendekatan untuk mendengar apa tuduhan orang tanpa menyelidik, ini kesannya dan saya berharap kerajaan Filipina berhati-hati sebelum dia mendengar tuduhan-tuduhan liar ini," katanya.

Beliau berkata kes itu juga merupakan bukti terdapat pihak-pihak tertentu yang sengaja ingin membangkitkan kemarahan terhadap Malaysia.

"Pada saya adalah mustahak untuk kita membanteras tindakan-tindakan yang semacam ini," katanya.

Kes berkenaan mendapat perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila Presiden Filipina Gloria Macapagal menulis surat kepada Dr Mahathir meminta kerajaan Malaysia menyiasat perkara tersebut kerana gadis berkenaan dikatakan rakyat Filipina.

-- BERNAMA

NM AHH HM